



BULETIN HOSPITAL PITAS

EDISI 5 BIL. 1 TAHUN 2010

Laman Web: <http://hpitas.moh.gov.my>

E-mail: pengarah.pitas@sbh.moh.gov.my

SIANG MALAM AKREDITASI

HOSPITAL PITAS BOLEH!

4 Oktober 2010 - 6 Oktober 2010

MALAYSIAN SOCIETY FOR **Quality** IN Health

INISIATIF AKREDITASI 2010



Hakcipta Terpelihara @ 2010. Kementerian Kesihatan Malaysia

Hospital Pitas Peti Surat 88, 89100 Pitas, Sabah.
Phone No: 088-676100 Fax No: 088-611203



ISI KANDUNGAN

Edisi 5 Bil 1 Tahun 2010



Ms 01 Perutusan Pengarah

Ms 06-07 Berita Bergambar

Ms 02 Dari Meja Ketua Editor

Ms 08-09 Fire Drill

Ms 03 Ke Arah Akreditasi Hospital Pitas

Ms 10-11 Notifikasi Penyakit Berjangkit Hospital Pitas

Ms 04 Lawatan Akreditasi ke Hospital Kunak

Ms 12 Sukan IMalaysia

Ms 05 Laman Web Hospital Pitas & Facebook Hospital Pitas

Ms 13 Wedding

HOSPITAL PITAS



SIANG MALAM AKREDITASI 2010

Perutusan

Pengarah Hospital

When a person walks into our house, we want them to feel the warmth of our hospitality. Likewise, we want all our clients to feel welcomed when they come to avail the services in our facility. In addition we want them to feel safe and reassured of a good quality service. This must be our aspiration everyday; to give the best to our clients with the existing facilities, equipment and manpower no matter how limited.

The medical service is a tough one and it challenges all health care givers to relook at oneself in terms of commitment, knowledge and skills; Do we have what it takes to be the best in our fields? Do people feel safe when they come to our facility? Are they likely going to make complaints rather than compliments?

We have to assess ourselves and ask these questions, again and again. To reassess our policies and procedures that facilitate our clients and not so much for ourselves. It is timely that we are embarking on a journey for a better in quality and safety in health with the process of accreditation. We must understand that accreditation is not a one-off thing but rather a continuous process to reach better heights in health care delivery.

The last six months have shown that we can be committed, creative and productive when put under certain level of stress. In fact, this stress has seen the best out of some of us that we cannot even envisage before. We managed to produce policies and procedures effectively, carried out safety courses, heightened awareness on quality and safety etc. I hope this is a beginning of a new chapter in Hospital Pitas, and our mission to provide a safe and quality service will continue for the good of all.

Sincerely yours,

Francis Paul

*Dr. Francis Paul
Hospital Director*



Dari Meja **Ketua Editor**

Assalamualaikum Wrt, Wbt
Salam 1 Malaysia.

Alhamdulillah, syukur kehadiran ilahi kita dapat bertemu kembali dalam Buletin Q Hospital Pitas bagi edisi ke-5 dan bilangan 01/2010. Kita telah melangkah ke tahun 2010 dengan azam yang lebih tinggi bertujuan untuk membaiki kelemahan tahun sebelumnya dan menjadikan tahun ini lebih baik dengan menghasilkan pencapaian dan mencipta kejayaan. Tahun 2010 akan mencipta satu sejarah penting kerana Hospital Pitas akan menjalani Penilaian Akreditasi daripada MSQH dijangka pada suku ke-4 tahun 2010.

Saya juga bersyukur dengan kesinambungan penerbitan kali ini sebagai platform untuk menyebarkan maklumat-maklumat atau peristiwa penting kepada semua warga Hospital Pitas.

Akhir kata, semoga usaha jawatankuasa editorial dapat ditingkatkan dalam memantap dan memperkemaskan isi kandungan Buletin Hospital Pitas.

Wassalam.



Jaimin Bin Makajin
Pen. Pegawai Perubatan Kanan,
Hospital Pitas.



SIDANG

REDAKSI

Penaung

Dr. Francis Paul

Rekabentuk Grafik

En. Joseph Tai Jern Cherng

Setiausaha

Cik Olga N Ambu

Editor

En. Patrick Bin Morinka

En. Miharil Bin Ruminggun

Cik. Kimberly Cleodel James

Jurufoto

En. Fauze Bin Oshou

En. George Dell Bin Mojintang

Cik Lisa Choo Leong Shan

Bendahari

En. Mohd Faizal Bin Mohd Ridzwan

Wartawan

Pn. Norlita Binti Bundah

En. Mohd Sharil Bin Omar

KE ARAH AKREDITASI HOSPITAL 2010



- Peningkatan kualiti Penjagaan Pesakit
- Peningkatan Keselamatan Pesakit
- Peningkatan Keselamatan dan Kebajikan Pekerja

KE ARAH AKREDITASI HOSPITAL PITAS

Sejak hospital ini dibuka kepada umum pada Ogos 2006, mantan Pengarah Kesihatan Negeri telah mencabar hospital ini untuk mendapatkan Persijilan Akreditasi. Bermula pada saat itu, jentera akreditasi telah ditubuhkan. Namun disebabkan terdapat perpindahan ramai anggota, jawatankuasa asal terpaksa dibubarkan dan jawatankuasa baru telah ditubuhkan pada Januari 2010.

Langkah utama kami selepas penubuhan Jawatankuasa Akreditasi adalah menjalankan mesyuarat, latihan dalaman serta lawatan benchmarking ke hospital lain. Mesyuarat J/kuasa Akreditasi telah dijalankan pada setiap bulan yang mana pelbagai perkara bincangkan pada kesemua sesi mesyuarat berkenaan. Dari segi latihan anggota hospital, Taklimat Pengenalan Akreditasi telah dijalankan untuk memberi gambaran kepada warga Hospital Pitas tentang kepentingan akreditasi. Manakala, pada 18 hingga 20 Februari 2010 seramai 11 ahli Jawatankuasa Akreditasi Hospital Pitas telah mengadakan Lawatan Benchmarking ke Hospital Kunak.



Akreditasi merupakan satu proses penilaian perkhidmatan kesihatan berdasarkan piawai kualiti yang telah ditetapkan. Ia amat perlu ke arah meningkatkan perkhidmatan kesihatan yang optima dengan menggunakan sumber yang sedia ada agar dapat menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit, menyediakan perkhidmatan yang selamat di persekitaran yang selamat, kakitangan dapat patuh kepada amalan dan etika professional serta hospital dapat menyediakan perkhidmatan dan rawatan yang sesuai. Selain itu, melalui akreditasi, perkhidmatan yang diberikan adalah berasaskan kepada 'value for money' dan merupakan langkah proaktif bagi memenuhi kehendak pelanggan.

Sepertimana yang telah dirancang, tanggal Jun 2010, pihak Jawatankuasa telah menetapkan proses Penilaian Unit Sendiri dibuat bagi semua standard yang terlibat. Bagi pihak Penyelaras Hospital, kami amat berpuas hati dengan kerjasama yang telah diberikan dan hasil Penilaian Unit Sendiri berkenaan digunakan untuk proses Penilaian Bersilang/ Audit Dalaman yang dijangka akan dijalankan pada Julai 2010.

Secara kesimpulannya, Hospital Pitas sedang dalam proses persediaan ke arah Penilaian Akhir oleh MSQH yang dijangka pada Oktober 2010. Pada tahap ini, persediaan kami boleh dikatakan pada tahap 80%. InsyaAllah, pihak kami akan berjaya mendapatkan pentauliahann tersebut sejajar dengan slogan yang kami laungkan "SIANG MALAM AKREDITASI".

Disediakan oleh:

Muhammad Bin Hj. Md. Zain
Penyelaras Akreditasi,
Hospital Pitas.



Lawatan Benchmark Akreditasi ke Hospital Kunak



Tepat jam 10am pada 18 Februari 2010, seramai 10 orang staf Hospital Pitas memulakan perjalanan ke daerah Kunak. Rombongan ini membawa 1 harapan iaitu mempelajari dan menimba ilmu tentang pelaksanaan akreditasi di Hospital Kunak. Pengetahuan tersebut akan digunapakai untuk mencapai akreditasi di Hospital Pitas pada Oktober 2010. Hospital Kunak menjadi pilihan lawatan ini kerana ia mempunyai rekabentuk bangunan yang sama dengan Hospital Pitas dan telah mencapai akreditasi pada 2008. Setelah melalui perjalanan selama 8jam, akhirnya kami sampai ke Daerah Kunak. Kami mengambil keputusan untuk bermalam di salah sebuah penginapan sebelum lawatan di Hospital Kunak.



Pada jam 8am 19 Februari 2010, kami sampai di Hospital Kunak dan amat terpegun melihat rekabentuk Hospital Kunak. Ternyata cerita mengenai rekabentuk bangunan Hospital Kunak yang sama dengan Hospital Pitas adalah benar. Senyuman dan ucapan selamat datang daripada pengawal keselamatan Hospital Kunak membuat kami berasa sangat dialu-alukan di Hospital Kunak. Sepanjang hari tersebut kami habiskan dengan membuat lawatan dan mempelajari cara pelaksanaan akreditasi di Hospital Kunak. Malam mesra juga diadakan untuk mengeratkan hubungan antara 2 hospital.



Pada 20 Februari 2010, tibalah waktunya untuk kami kembali ke Pitas. Dengan pengetahuan dan ilmu yang baru ditimba, Hospital Pitas diharap dapat mencapai akreditasi pada tahun 2010.



Disediakan Oleh,
Olga N Ambu

Laman Web & Facebook Hospital Pitas



Laman Web Hospital Pitas

Hospital Pitas telah melangkah setapak ke hadapan apabila 1 laman web rasmi Hospital Pitas ditubuhkan pada November 2009.

Dengan hanya menaip <http://hpitah.moh.gov.my>, para pengunjung boleh mengakses ke laman web Hospital Pitas dan mendapatkan pelbagai maklumat mengenai hak dan tanggungjawab pesakit, caj- caj rawatan, profil jabatan, dan lain- lain.

Selain itu, pengunjung boleh menegemukakan komen/ aduan/ cadangan dalam ruangan Maklumbalas. Namun butir- butir peribadi pengunjung diisi dalam ruangan yang disediakan bagi memudahkan pihak hospital menghubungi pengunjung.

Laman web ini diharapkan dapat memberi maklumat yang cukup tentang perkhidmatan dan aktiviti yang terdapat di Hospital Pitas.

Disediakan Oleh,
Olga N Ambu



Facebook Hospital Pitas



Facebook merupakan salah satu platform sosial networking yang paling popular pada masa kini. Ia menghubungkan satu orang dengan orang lain di dunia tanpa batasan dan menciptakan komunikasi yang sangat berkesan di mana profil, kegemaran, perkara terkini dan sebagainya dapat dikongsi antara kawan-kawan dengan serta merta.

Pihak Hospital Pitas telah mewujudkan facebook Hospital Pitas bagi memudahkan perkongsian maklumat Hospital Pitas di kalangan anggota Hospital Pitas dan orang ramai.

Admin facebook Hospital Pitas kini dianggotai oleh Encik Sharil dan Encik Mohd. Rahsid di mana mereka akan menyebarkan perkara-perkara yang berlaku di Hospital Pitas di dalam facebook Hospital Pitas. Anggota-anggota Hospital Pitas adalah digalakkan untuk menyertai facebook Hospital Pitas supaya tidak ketinggalan daripada berita yang terkini yang berlaku di dalam Hospital Pitas.

Disediakan Oleh,
Joseph Tai Jern Chemg



Staffs Gathered At Assembly Point 'A' Waiting For Further Instruction



FIRE DRILL



Mock Fire Scene At Male Ward



Staffs And Patients Evacuating Hospital Building And Heading To Assembly Point



BERITA BERGAMBAR



Wajah-wajah Ceria Malam Kaamatan 2010



Padi dituai tanda perasmian pesta kaamatan

KAAMATAN



Lady GaGa in Pitas!!!



Winner of Cross-dress Competition... He-She??



And the winner is Tati Nelly Aning



SUKAN SMRC



Biru, Kuning, Merah, Hijau beraksi dalam sukan antara ahli SMRC dan juara adalah rumah merah...



BERITA BERGAMBAR



KEMPEN DERMA DARAH DI DANDUN & SALIMPODON

Fire Drill



Pihak Hospital Pitas telah mengadakan Satu Latihan Kebakaran pada 29 Jun 2010 di Hospital Pitas. Latihan ini melibatkan semua unit, kakitangan Hospital dan Faber Medi-Serve serta pelanggan yang terdiri daripada golongan tua, muda dan kanak-kanak. Latihan Kebakaran seperti ini merupakan yang kali ke-2 dijalankan di Hospital Pitas sejak beroperasi pada tahun 2006.

Senario Kebakaran adalah seperti berikut :

Pada Jam 2.00 petang, satu kebakaran telah berlaku kawasan tangga kecemasan Wad Lelaki Hospital Pitas . Kebakaran tersebut telah disedari oleh jururawat dan Penolong Perawatan Kesihatan yang bertugas pada waktu itu. Ketua unit Wad Lelaki dan beberapa orang kakitangan Hospital yang bertugas pada waktu itu telah cuba untuk memadamkan api dengan menggunakan alat pemadam api jenis serbuk namun tidak berjaya.

Alat Penggera Kebakaran Hospital telah berbunyi sejurus berlakunya kebakaran tersebut. Ketua Unit

Wad Lelaki, Sr. Jumasti Lamsin, terus memaklumkan kejadian tersebut kepada Pengarah Hospital. Pengarah Hospital, Dr Francis Paul, seterusnya memaklumkan pula kejadian tersebut kepada telefonis yang bertugas pada waktu itu (Cik Lisa Choo) untuk menelefon Balai Bomba Dan Penyelamat Kota Marudu, Balai Polis Pitas, Penyelea Hospital, Ketua-ketua Unit, Fire Officer, Feber Medi Serve dan Sekuriti Hospital.

Dr. Francis Paul telah mengeluarkan arahan kepada Penyelea Hospital dan semua Ketua Unit untuk melakukan pengungsian bangunan dengan secepat yang mungkin. Semua Ketua Unit telah mengarahkan setiap kakitangan unit masing-masing untuk keluar dari bangunan bagi menyelamatkan diri bersama dengan pesakit serta orang awam.

Pengungsian adalah proses pemindahan dari tempat bencana ke tempat yang lebih selamat dengan cara teratur dan selamat. Sekiranya kebakaran berlaku di hospital, pengungsian bermaksud memindahkan

pesakit, pelawat dan anggota hospital dari wad ke tempat yang lebih selamat. Ia dilakukan dengan cara seperti memapah, memikul, mengangkat menggunakan cadar atau selimut, memindahkan katil pesakit ke tempat yang lebih selamat, dan menggunakan stretcher.

Sr. Jumasti Lamsin telah mengarahkan jururawat dan kakitangan lain untuk keluar bersama dengan pesakit yang tidak dapat bergerak dan berkumpul di 'Assembly Point' yang telah ditetapkan. Selepas itu, beliau memeriksa dan memastikan supaya tidak ada seorang pesakit pun yang masih berada di tempat tersebut. Pada masa yang sama, api dengan asap tebal telah mula merebak hingga ke bahagian lain di wad tersebut.

Sementara, menunggu ketibaan Pihak Bomba Dan Penyelamat dari Kota Marudu, En.Steven Nogiris Sabala selaku *Fire Safety Officer* terus mengarahkan 'Fire Fighting Squad' Hospital Pitas untuk memadamkan api yang sedang marak di Wad Lelaki.

"Fire Fighting Squad" Hospital Pitas yang diketuai oleh En.Jamleh Jam bersama kakitangan Faber Medi-Serve telah berusaha memadam api dengan menggunakan alat pemadam api jenis gelung hos yang terdapat di kawasan wad tersebut tetapi tidak berjaya.

Semasa Proses Pengungsian bangunan berjalan, semua Ketua Unit telah memastikan bahawa semua kakitangan, pesakit dan orang awam di wad atau unit masing-masing berkumpul di 'Assembly Point' (A.P) yang ditetapkan.

Hospital Pitas mempunyai sebanyak 4 'Assembly Point' yang telah ditentukan. Antaranya ialah:
 'Assembly Point' A – Tempat Letak Kereta di hadapan Unit Kecemasan.
 'Assembly Point' B – Kawasan Helipad.
 'Assembly Point' C – Kawasan Lapang di hadapan Asrama Jururawat.
 'Assembly Point' D – Kawasan Taman Permainan di belakang kuarters C.

Keempat –empat A.P mempunyai seorang penyelarar yang telah dilantik. 'A.P' A diketuai oleh **En. Fauze Oshu**, 'A.P' B diketuai oleh **En. Azman Juadio** dan 'A.P' C diketuai oleh **En. Patrik Morinka** serta 'A.P'

D diketuai oleh **Sr. Martha Terupun**. Peranan Penyelarar 'A.P' adalah sangat penting bagi memastikan semua kakitangan, pesakit dan orang awam dapat berkumpul dengan selamat di "Assembly Point" masing-masing. Masa keseluruhan yang diambil untuk Proses Pengungsian tersebut ialah selama 8 minit.

Kira-kira 45 minit kemudian Pasukan Bomba & Penyelamat Kota Marudu yang terdiri daripada beberapa orang anggota berserta dengan kenderaan dan peralatan memadam kebakaran telah tiba di lokasi kejadian dan dengan pantas memulakan kerja-kerja menyelamatkan dan memadamkan api. Api dapat dikawal daripada merebak ke unit lain dan berjaya dipadamkan kira-kira 20 minit kemudian. Mangsa seramai 5 orang yang terperangkap dan cedera dalam bangunan pula telah berjaya diselamatkan.

Setelah alat penggera api hospital telah dimatikan, kakitangan Bomba & Penyelamat segera masuk ke dalam wad yang terlibat bagi memastikan api telah dipadamkan dan tiada kemalangan jiwa yang berlaku. Mereka juga memeriksa kerosakan yang ada dan menyasiat punca kebakaran.

Seramai dua orang kakitangan Feber Medi-Serve

telah mengalami kecederaan. En.Kundaran Lisun telah tidak sedarkan diri akibat tersedut asap tebal bila cuba membantu Pasukan "Fire Fighting Squad" memadamkan api menggunakan alat pemadam api jenis serbuk dan rakannya yang seorang lagi Hospital untuk pemeriksaan. Seramai 3 orang mangsa yang terperangkap tetapi tiada sebarang kemalangan jiwa berlaku.

Latihan seumpama ini hendaklah buat sekurang-kurang sekali setahun bagi memberi pendedahan dan latihan kepada semua kakitangan hospital bagi menghadapi bencana kebakaran. Dengan adanya latihan seperti ini juga pihak hospital boleh menilai segala kelemahan bagi tujuan penambahbaikan pada masa akan datang.

Disediakan Oleh,
 Kimberly Cleodel James



NOTIFIKASI PENYAKIT BERJANGKIT


HOSPITAL PITAS JAN - JUN 2010

Notifikasi Penyakit Berjangkit adalah satu keperluan undang-undang seperti yang termaktub dalam Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988. Ada terdapat 27 jenis penyakit berjangkit yang perlu dinotifikasikan kepada Pejabat Kesihatan. Penyakit berjangkit yang cepat merebak seperti denggi dan malaria hendaklah dilaporkan secara lisan kepada Pejabat Kesihatan yang berdekatan dalam masa 24 jam disusuli dengan penghantaran borang notifikasi dalam masa seminggu.

Pegawai perubatan bertanggungjawab untuk membuat notifikasi ini. Notifikasi ini adalah perlu agar kawalan pencegahan dapat dibuat oleh Pejabat Kesihatan seperti semburan ubat nyamuk dan sebagainya.

Dalam bulan Mei 2010 terdapat beberapa kes Chikungunya dikenalpasti di beberapa kawasan di daerah Pitas. Walaupun penyakit ini tidak termasuk dalam senarai 27 penyakit berjangkit dalam Akta tersebut, namun pihak Hospital Pitas turut memaklumkan kepada pihak kesihatan.

Carta bar di bawah ini menunjukkan penyakit berjangkit yang dinotifikasi oleh pihak hospital ke Pejabat Kesihatan Daerah Pitas. Melalui carta ini, dapat dilihat bahawa penyakit malaria merupakan antara penyakit berjangkit yang paling kerap dikesan di daerah Pitas. Penyakit Malaria dikenalpasti adalah bawaan vektor nyamuk tiruk serta parasit malaria falciparum dan vivax yang juga merupakan spesies yang paling kerap dikesan.





**LINDUNGI KELUARGA ANDA DARIPADA
DENGGI DAN CHIKUNGUNYA
LUANGKAN
10 MINIT
SETIAP HUJUNG MINGGU**

Periksa rumah dan persekitaran sekurang-kurangnya seminggu sekali untuk memastikan tiada pembiakan nyamuk Aedes.

Bertindak sekarang! Luangkan 10 minit setiap minggu untuk mencegah Denggi dan Chikungunya!



Ditabikan oleh
Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia



Laman Web: <http://www.myhealth.gov.my> • <http://www.infosihat.gov.my>

Demam denggi juga merupakan salah satu penyakit berjangkit yang semakin meningkat di daerah Pitas. Kebanyakan kes denggi yang dikesan di daerah Pitas adalah jenis Demam Denggi di mana kebanyakan pesakit tidak mengalami komplikasi. Penyakit malaria pula diketahui masih sensitif dengan beberapa ubat-ubatan yang sedia ada. Selain denggi dan malaria, penyakit TB (Tuberculosis Bacillus) paru-paru adalah antara penyakit berjangkit yang endemik di kawasan ini. Untuk mengesan dan mengawal perembakan penyakit TB, setiap pesakit yang mempunyai batuk melebihi 2 minggu dengan tanda- tanda penyakit TB dikehendaki membuat saringan TB.

Pemantauan notifikasi penyakit berjangkit ini dibuat agar pihak hospital dapat melihat tren penyakit baru dan sedia ada agar tindakan kawalan dapat diambil dengan segera.

Disediakan oleh
Dr Francis Paul

Sukan 1Malaysia



Tanggal 4 Mei 2010, SMRC Pitas telah melakar sejarahnya apabila julung-julung kalinya menganjurkan Sukan Peringkat SMRC Pitas Kali ke-1 setelah 3 tahun penubuhan kelab tersebut. Sebelum ini, SMRC Pitas hanya mampu untuk menghantar ahli-ahlinya melibatkan diri dalam acara sukan anjuran pihak luar dan untuk tahun ini SMRC Pitas telah mampu untuk menghargai semua ahlinya dengan menganjurkan sukan yang terdiri daripada penglibatan semua ahli SMRC seluruh Pitas. Menurut Pengerusi Penganjur, En. Jimal Basinau, penganjuran sukan bagi edisi pertama ini adalah bertujuan untuk mencari dana kelab supaya SMRC Pitas dapat menganjurkan lebih banyak aktiviti untuk manfaat setiap ahli disamping itu merapatkan lagi hubungan antara sesama ahli. Untuk edisi pertama ini, sambutan daripada semua ahli adalah sangat menggalakkan dan mungkin akan diteruskan penganjurannya sebagai acara tahunan kelab. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Pengerusi SMRC Pitas iaitu Dr. Francis Paul yang begitu berpuas hati

dan teruja kerana penganjuran sukan ini adalah tepat dengan visi kelab yang ingin memartabatkan sukan sebagai aktiviti riadah yang paling sihat. Menurut beliau lagi, sukan dapat menyatukan semua bangsa dan kaum dan bertepatan dengan perjuangan Perdana Menteri dengan semangat 1Malaysia. Walaupun terdapat beberapa kekurangan dan masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan, namun ramai yang berpuas hati dan menganggap bahawa penganjuran kali ini tepat sebagai persediaan untuk menyertai Sukan SMRC Peringkat Pantai Barat Utara, Sabah yang akan diadakan nanti. Sehubungan dengan kejayaan penganjurannya, pihak SMRC Pitas ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada semua AJK yang telah bertungkus-lumus menjayakan program ini dan individu-individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA!!

Disediakan Oleh,
Mohd. Sharil Omar



WEDDING

ROSE FOR FOREVER



Noredyawati Rendhan & Nur Akmal Matnor
13.06.2010



Mardin Biting & Rabun Abd Rahman
12.06.2010




Azman Juadio & Rafidah Ag Badar
12.06.2010



Caroline Mougine & Raymond Pohong
20.3.2010



Nurilin Ramlin & Mohd Isa Wazhry
25.4.2010



Deborahani Dickson & Caddy Yap
09.5.2010



Rayner Mawing & Sita Albert
12.06.2010

SMRC PITAS

ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kerana sumbangan anda telah menjayakan Majlis Sukan Peringkat SMRC Pitas kali-1 dan Majlis Malam Mesra dan Sambutan Tadau Kaamatan 2010 SMRC Pitas.

PENGHARGAAN

1. **KEDAI SU CHUNG KOTA MARUDU**
2. **SYARIKAT AMANAH ENTERPRISE**
3. **FABER MEDISERVE**
4. **JASA PITAS ENTERPRISE (JPE)**
5. **FARISH ENTERPRISE**
6. **KASS ENTERPRISE**
7. **FITRAH JAYA ENTERPRISE**
8. **AZZAM MAJU ENTERPRISE**
9. **DR. FRANCIS PAUL**
10. **ENCIK RAYNER MAWING**
11. **ENCIK ASLI ISMAIL**
12. **ENCIK SARDI BAR**
13. **ENCIK JAMLE JUAL**
14. **ENCIK ASMAT NYANYING**
15. **ENCIK ROSLI SUIN**
16. **ENCIK MOHD TAUFIK HJ. MOHD GASHIN**
17. **ENCIK MOHD AMRAN MANINING**
18. **ENCIK MOHD YUSUF HJ. AWANG**
19. **ENCIK AWANG OKIK**
20. **SR. LAWASA MOJIMBAL**
21. **ENCIK JAIMIN MAKAJIN**
22. **PUAN UMPILIN ANDIPA**
23. **ENCIK ROMAN MANISET**
24. **ENCIK STEPHEN NOGIRIS**

